

Perihal peruntukan pembangkang



NUKILAN
MINDA

MUJIBU ABD MUHS

Isu peruntukan kewangan kepada pembangkang bukan perkara yang baharu dibangkitkan. Walaupun ia bukanlah kelaziman dalam politik demokrasi dan amalan berkerajaan, namun peruntukan kepada ahli Parlimen menjadi elemen terpenting dalam mencorak budaya politik di Malaysia.

Mengapa begitu? Untuk memahaminya dua perkara ini perlu dilihat secara perbandingan. Pertama amalan sedemikian tidak dilakukan di negara-negara maju kerana sebarang peruntukan pembangunan tempatan tidak disalurkan kepada ahli legislatif (baca: wakil rakyat).

Lazimnya sebagai ahli legislatif bukanlah tugas mereka untuk berbuat demikian kerana mereka adalah pembuat dasar dan undang-undang. Rakyat selalunya mengadukan hal-hal berkaitan pembangunan tempatan kepada agensi kerajaan, ahli majlis atau anggota pihak berkuasa tempatan (PBT) yang dipilih dalam pilihan raya kerajaan tempatan.

Kedua, kepercayaan rakyat di sana yang tinggi terhadap agensi berwajib

dan PBT di samping respons pantas (disebabkan PBT dipilih secara langsung oleh rakyat) menjadikan wakil rakyat lebih fokus dengan tugas hakiki mereka. Justeru itu tidak timbul langsung isu mereka mendapat peruntukan atau tidak bagi tujuan pembangunan kawasan.

Ini berbeza dengan Malaysia. Pertama anggota majlis kerajaan tempatan lazimnya dilantik dan tidak dipilih. Hal tersebut menjadikan mereka lambat dan lembap respons permasalahan rakyat. Sebab itulah kebanyakan rakyat malas mengadukan permasalahan mereka kepada agensi kerajaan ataupun PBT. Akhirnya mereka meminta wakil rakyat menyelesaikannya. Kerana adanya peranan bertindan (sebagai menteri dan wakil rakyat) serta akses kepada sumber kerajaan, maka aduan rakyat lebih cepat diselesaikan.

Kedua, disebabkan hal tersebut, maka menjadi perkara biasa apabila wakil rakyat menggunakan kuasa dan pengaruh yang ada untuk mendapatkan wang daripada kerajaan bagi membantu rakyat. Malangnya ia lebih mudah buat wakil rakyat kerajaan dan sebaliknya buat wakil rakyat pembangkang.

Lebih parah, sumber kewangan tersebut disalurkan terus kepada pejabat Parlimen berbanding agensi atau kementerian yang bertanggungjawab.

Implikasinya jelas besar. Hal tersebut menjadikan pengundi di kawasan kerajaan lebih terbela berbanding pembangkang. Kawasan pembangkang



Secara prinsip dan moralnya peruntukan seimbang dan sama rata kepada semua wakil rakyat adalah suatu kewajaran."

dianaktirikan lantas menyukarkan wakil rakyat di situ berkhidmat dan pengundinya pula akan terhutang budi kepada wakil kerajaan lantas prejudis terhadap wakil rakyatnya sendiri.

Akhirnya persaingan antara wakil rakyat menjadi tidak seimbang dan peluang untuk dipilih semula bagi penggal mendatang lebih cerah kepada wakil kerajaan berbanding pembangkang kerana kredit dan persepsi positif lebih memihak kerajaan. Justeru itulah mengapa politik pembangunan menjadi senjata ampuh kepada penguasaan Barisan Nasional (BN) yang sangat dominan dalam landscape politik negara suatu ketika dahulu.

Jadi bila timbul permasalahan ini, ada parti meletakkan peruntukan seimbang dan sama rata kepada pembangkang sebagai sebahagian daripada manifesto mereka. Malah ia digemburkan sebagai usaha reformasi institusi yang diperlukan bagi memper-

baiki dan memperkukuhkan proses pendemokrasian negara. Perkembangan semasa menampakkan usaha positif ia akan dilaksanakan. Persoalannya apa dan bagaimana ia harus dilaksanakan.

Secara prinsip dan moralnya peruntukan seimbang dan sama rata kepada semua wakil rakyat adalah suatu kewajaran. Malah ia perlu dipanjangkan kepada setiap negeri. Permulaan yang baik adalah merangka suatu akta yang memperincikan secara jelas syarat, terma, jumlah peruntukan dan tanggungjawab yang datang selepas menerima peruntukan sebagai panduan lengkap.

Kedua ia juga perlu dirangka agar tidak mengikat mana-mana pihak (kerajaan ataupun pembangkang) dengan sebarang syarat yang berat sebelah yang meletakkan mereka dalam situasi *hold them to ransom* yang menakan pembangkang atau sabotaj kerajaan.

Ketiga, peruntukan tersebut tidak disalurkan terus kepada pejabat ahli Parlimen sepertimana biasa. Ia harus diletakkan di bawah pentadbiran Parlimen yang diurus dan dipantau secara menyeluruh agar peruntukan benar-benar dibelanjakan untuk pembangunan kawasan dan bukan sebaliknya.

** Mujibu Abd Muhs ialah Pensyarah Kanan Sains Politik, Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP), Universiti Teknologi Mara (UTM)*

Apa boleh kita pelajari dari Jepun?



KOPITIAM
KITA

TAI ZEE HOW

Bulan ini, saya sekali lagi pergi ke Jepun dan ini merupakan kali keenam saya menziarahi negara yang dikatakan paling maju dari segi teknologi di Asia. Budaya negara tersebut tidak pernah menghampakan. Saya berpendapat banyak aspek yang boleh kita pelajari untuk memajukan negara kita.

Tahap disiplin dan timbang rasa rakyat Jepun yang tinggi secara kolektif di seluruh negara adalah sesuatu yang menakutkan. Pertama sekali, mereka mematuhi ketepatan masa. Rakyat Jepun jarang lewat untuk menghadiri sesuatu pertemuan yang telah ditetapkan, mahupun lewat hadir ke tempat kerja.

Mereka akan mengambil kira jarak, masa perjalanan dan kesesakan trafik dalam perancangan pergerakan mereka. Kelewatan adalah satu sikap yang

dipandang serius di negara itu. Contohnya, sekiranya terdapat kelewatan di kemudahan awam, pihak pengurusan syarikat kemudahan awam tersebut akan mengeluarkan notis kelewatan kepada setiap penumpang.

Perihal ketepatan masa ini kita dapat saksikan di stesen kereta api dan kemudahan awam. Setiap kereta api meninggalkan stesen tepat pada masanya kerana laluan rel kereta api yang sibuk dan rumit. Sekiranya terdapat sebuah kereta api terlambat, maka ratusan tren lain akan terjejas.

Kedua, sikap bertimbang rasa. Rakyat Jepun sangat bertimbang rasa terhadap orang lain. Tandas mereka sentiasa bersih. Oleh sebab itu, penggunaan tandas lazimnya akan membersihkan tandas yang digunakan untuk kesenangan pengguna yang seterusnya. Mereka juga sentiasa merendahkan suara di kawasan awam agar tidak mengganggu orang lain.

Pelayan-pelayan di restoran dan kedai sentiasa melayan pelanggan dengan senyuman yang manis dan penuh hormat. Bagi mereka, semangat berpasukan adalah penting, di mana setiap pekerja selalu mengingati kepentingan rakan sekerja yang lain.

Dalam sesebuah keluarga pula, ayah, ibu dan anak-anak ada tugas rumah yang jelas dan berlainan agar semuanya melengkap antara satu sama lain demi mencapai tahap kecekapan yang tinggi dalam kehidupan harian.

Selain itu, sumber asli di Jepun adalah terhad. Setiap rumah dari Nagasaki di Selatan ke Hokkaido di Utara, sampah-sampah akan dibahagi secara teratur, untuk dikitar semula, ataupun dibakar bagi menjana bekalan elektrik. Rakyat Jepun akan mencuba sedaya upaya untuk mengurangkan pembaziran sumber asli.

Banyak bandar di Jepun seperti Hiroshima, Kobe, Hakone, Yokohama, Fukuoka, Osaka, Kyoto, Nara, Tokyo dan Sapporo amat mengutamakan pelancong. Perancangan kemudahan awam bandar-bandar ini bukan sahaja mengambil kira penduduk watan, malah menimbangkan keselesaan pelancong-pelancong asing.

Pelancong dapat bergerak dengan mudah di kawasan bandar-bandar tersebut sebagaimana penduduk tempatan. Kerajaan tempatan juga mengutamakan pemulihan pembangunan-bangunan warisan mereka sebagai tapak pelancongan yang dapat

menarik minat pelawat asing.

Sistem rangkaian kereta api di Jepun adalah sesuatu yang patut dipelajari oleh Malaysia. Rangkaian tersebut hampir meliputi semua kawasan yang diduduki. Contohnya, mengambil Malaysia sebagai konteks, seorang yang tinggal di Pengerang, Johor ingin pergi ke Baling, Kedah, akan menaiki kereta api tempatan dari Pengerang ke Kluang, dan menaiki kereta api laju seperti "Shinkansen" dari Kluang ke Sungai Petani, dan transit ke Baling melalui kereta api tempatan. Ini menjimatkan masa dan dapat mengurangkan penggunaan kereta.

Yang membawa manfaat, kita hayati bersama. Yang berbeza arus, kita hormati. Terdapat banyak perkara dari Jepun yang boleh memberi ilham kepada kita. Yang penting sekali adalah perubahan sikap kita supaya menjadi lebih berdisiplin, prihatin, bertimbang rasa dan rajin. Dengan kualiti-kualiti ini, nescaya kita dapat menjadikan Malaysia negara maju dalam masa terdekat.

** Tai Zee How, juga dikenali sebagai YouTuber Apek Cina, ialah seorang peguam dan pemerhati politik*